

Pembentukan Manusiawi melalui Budaya Membaca

Ungkapan “mari membaca” bukan hanya menggambarkan keadaan menyelak halaman buku, tetapi merangkumi proses menyelami perkataan, idea dan imaginasi yang terdapat dalam sebuah buku. Membaca merupakan kunci kepada gerbang ilmu pengetahuan, empati dan pertumbuhan peribadi. Melalui pembacaan, seseorang dapat meneroka perspektif baharu, memahami budaya yang berbeza dan meluaskan dimensi pandangan.

Tahukah anda?

- Membaca 20 minit sehari sama seperti belajar 1.8 juta perkataan.
- Membaca dapat mengurangkan tekanan.
- Membaca dapat meningkatkan kecerdasan minda.
- Membaca dan menulis dapat mengelakkan hilang ingatan.
- Membaca dapat menajamkan ingatan, mengasah memori, dan membantu pertumbuhan sel-sel baharu.
- Membaca dapat meningkatkan keupayaan untuk membaca fikiran orang lain.
- Membaca bahan bacaan bercirikan inspirasi pada waktu malam memudahkan anda tidur.
- Mereka yang kurang membaca berisiko untuk sukar bercakap.

Oleh itu, penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) perlu dikuasai oleh remaja pada peringkat awal bagi membolehkan mereka berkomunikasi dan menimba ilmu pengetahuan bagi melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Selain menekankan aspek 3M, remaja juga perlu diterapkan dengan satu lagi M, iaitu manusiawi. Perkara ini selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat dan justifikasi kepada kempen membina masyarakat membaca dan cinta akan ilmu sebagai formula untuk melahirkan pelajar yang cemerlang, berfikiran tinggi, rajin membaca, mempunyai sifat ingin tahu dan relevan dengan keperluan industri serta berdaya saing pada peringkat global.

Dalam Majlis Perasmian Pesta Buku Antarabangsa 2023 yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, slogan "Membaca Jambatan Ilmu" digunakan untuk menunjukkan bahawa aktiviti membaca boleh mendatangkan pelbagai faedah kepada semua peringkat masyarakat. Dalam memastikan hala tuju pendidikan negara mempunyai garis ukur yang lebih jelas, kerajaan telah mengeluarkan pelan yang menyasarkan Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030 melalui pelbagai usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan, agensi ataupun pihak swasta untuk memastikan pelajar dan remaja menjadikan pembacaan sebagai suatu budaya hidup yang bukan sahaja dalam konteks pembacaan, tetapi juga dalam aktiviti sosial mereka. Budaya membaca juga selaras dengan konsep pendidikan manusiawi yang bertujuan untuk memupuk kanak-kanak dan golongan belia menjadi individu yang seimbang, bermoral tinggi dan berupaya memberikan sumbangan yang positif kepada pembangunan negara.

Membaca Jambatan Ilmu

Remaja yang menjadikan membaca sebagai sebahagian daripada budaya hidup dapat meningkatkan pemikiran mereka menjadi lebih kritis dan kreatif. Menerusi pembacaan, mereka dapat menyelongkar pelbagai watak, plot yang kompleks dan tema yang mendorong pemikiran mereka untuk mempersoalkan penyelesaian bagi sesuatu perkara. Tingkah laku tersebut juga dapat memupuk remaja menjadi generasi membaca yang ingin tahu, berfikiran terbuka dan mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi.

Selain itu, budaya membaca mampu mendidik jiwa remaja menjadi simpati dan empati. Membaca karya ataupun buku cerita yang direka dengan baik dapat menjadikan emosi seseorang turut menyelami watak tersebut. Hal ini secara tidak langsung dapat menyuntik hati individu tersebut untuk memahami perasaan orang lain dan membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera.



Budaya membaca juga selaras dengan konsep pendidikan manusiawi yang bertujuan untuk memupuk kanak-kanak dan golongan belia menjadi individu yang seimbang, bermoral tinggi dan berupaya memberikan sumbangan yang positif kepada pembangunan negara.



Namun begitu, trend remaja pada masa ini menunjukkan amalan membaca semakin terhakis. Hal ini demikian kerana dalam era globalisasi digital, budaya membaca bagi golongan remaja bukan lagi tertumpu pada buku fizikal tetapi dalam bentuk paparan digital. Oleh itu, sebagai tanda sokongan terhadap sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April pada setiap tahun, setiap individu perlu menerapkan minat membaca dalam diri. Selain itu, pemain industri perbukuan harus kreatif dan inovatif untuk menghasilkan bahan bacaan yang dapat menarik minat generasi muda untuk membeli dan membacanya.

Memupuk Budaya Membaca dalam Kalangan Remaja

Memupuk minat membaca dalam kalangan remaja memerlukan kesabaran, kreativiti dan empati daripada pelbagai pihak. Antara usaha yang boleh dilakukan termasuklah:

Bahan Bacaan yang Pelbagai dan Menarik

Apabila kehendak remaja semakin pelbagai, maka keperluan untuk mendapatkan bahan bacaan yang pelbagai juga semakin penting. Bahan bacaan yang pelbagai merangkumi pelbagai perspektif, pengalaman dan budaya, yang membolehkan remaja memperoleh pemahaman tentang dunia di sekeliling mereka. Oleh itu, bahan bacaan perlu merangkumi pelbagai genre, antaranya termasuklah fiksyen, bukan fiksyen, puisi dan prosa. Selain itu, bahan tersebut juga boleh ditumpukan kepada pelbagai topik, seperti bangsa, etnik, jantina, status sosioekonomi dan orang kurang upaya.

Penghasilan bahan bacaan yang pelbagai dapat mendidik remaja meningkatkan nilai empati, berfikir secara kritis dan memahami silang budaya. Sehubungan dengan itu, dalam usaha untuk menyediakan dan mempromosikan bahan bacaan yang pelbagai, pihak perpustakaan contohnya mesti menangani halangan untuk mengakses buku. Hal ini termasuklah memastikan bahan tersebut mudah didapati di perpustakaan, di sekolah dan di kedai buku, serta mendukung setiap pemain industri dalam ruang penerbitan dan kesusasteraan. Oleh itu, gedung membaca harus menyediakan gabungan buku fiksi dan bukan fiksi, novel grafik, majalah dan kandungan digital.

Persekitaran yang Kondusif dan Menyokong Industri Buku

Mewujudkan persekitaran yang dapat menyokong remaja membaca penting dalam memupuk rasa kecintaan terhadap bahan bacaan dan mempromosikan kejayaan akademik remaja. Antara cara yang dapat dilaksanakan oleh ibu bapa termasuklah menyediakan sudut bacaan yang selesa di rumah dengan pencahayaan yang baik dan menyediakan pelbagai bahan bacaan seperti novel, majalah dan komik. Selain itu, ibu bapa mahupun pendidik boleh memasukkan aktiviti membaca sebagai rutin harian remaja dengan menetapkan masa membaca yang santai pada setiap hari.

Usaha tersebut dapat mewujudkan persekitaran yang dapat menyokong remaja melangkaui suasana pembacaan di rumah ataupun di dalam bilik darjah. Inisiatif komuniti seperti kelab buku, sudut pengarang dan acara kesusasteraan boleh memupuk budaya membaca. Melalui persekitaran dan aktiviti yang aktif akan dapat memberikan pendedahan kepada remaja tentang perspektif yang baharu, berkenalan dengan genre buku yang baharu dan berinteraksi dengan individu yang mempunyai fikiran dan minat yang sama.

Ruang pembacaan yang kondusif dapat mewujudkan persekitaran yang menyegarkan dan menyuburkan rasa cinta remaja terhadap budaya membaca sekali gus meningkatkan pencapaian remaja dalam bidang akademik. Inisiatif tersebut dapat merealisasikan impian negara untuk menjadikan remaja sebagai bangsa yang berjaya dan berminda kelas pertama.

Teknologi Digital yang Bersepadu

Teknologi memainkan peranan penting dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan remaja. Antara teknologi yang telah disepadukan dengan membaca termasuklah e-pembaca atau buku digital. Platform seperti Kindle dan perisian aplikasi seperti Apple Books menyediakan akses kepada remaja untuk membacanya. Dunia membaca berada di hujung jari mereka. Hal ini bukan sahaja menjadikan pembacaan lebih mudah, malah dapat mendidik remaja menjadi individu yang celik teknologi.

Antara contoh lain termasuklah penggunaan media sosial untuk mewujudkan komuniti buku secara dalam talian. Platform seperti Instagram dan Goodreads membolehkan remaja berkongsi pengalaman membaca, mengesyorkan buku kepada rakan sebaya dan mengambil bahagian dalam kelab buku maya. Hal ini bukan sahaja menggalakkan remaja membaca tetapi juga mewujudkan rasa kemasyarakatan dan kekitaan dalam kalangan mereka.

Pemain industri menerusi laman web juga menyediakan cara yang interaktif dan menarik untuk remaja meneroka dunia membaca. Platform seperti Audible menawarkan produk buku audio, iaitu kaedah pembacaan yang menjadikannya lebih mudah diakses oleh remaja dengan gaya pembelajaran yang berbeza. Tambahan pula, platform secara dalam talian seperti Scholastic Book Wizard dan Epic! menyediakan cadangan buku yang boleh diprogramkan berdasarkan minat dan tahap pembacaan remaja, serta menjadikan pengalaman membaca lebih menyenangkan.

Oleh itu, pihak sekolah, perpustakaan negeri ataupun pihak kerajaan perlu mempromosikan dunia perbukuan digital melalui platform media sosial yang semakin banyak di Internet. Hal ini demikian kerana melalui pembacaan yang baik dan bermutu dapat meningkatkan



kebijaksanaan dan kebitaraan remaja. Integrasi teknologi dalam memupuk budaya membaca dalam kalangan remaja telah membuka cara baharu dan inovatif kepada remaja daripada membaca buku secara fizikal kepada membaca buku secara digital.

Hubungan Kerjasama dengan Pempengaruh Media Sosial

Pendekatan kerjasama seperti menggunakan pempengaruh media sosial sebagai ikon atau ejen promosi boleh merapatkan jurang antara pembaca buku tradisional dengan pembaca buku kontemporari. Pada masa ini, kemunculan pempengaruh media sosial umpama cendawan tumbuh selepas hujan. Kemunculan mereka semakin banyak dan terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan, peringkat umur dan sosial, antaranya termasuklah pelajar, mahasiswa, remaja dan belia. Oleh itu, pihak industri perbukuan boleh menggunakan pempengaruh media sosial untuk mempromosi dan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan remaja.

Antara kaedah yang boleh dilaksanakan oleh syarikat perbukuan termasuklah menghasilkan video dalam kalangan pempengaruh media sosial yang aktif dalam bidang perniagaan, permainan, muzik dan seni yang gemar membaca dengan memilih beberapa buah buku untuk tujuan promosi. Penghasilan video tersebut dapat menarik minat pembaca buku kontemporari yang sebelum ini hanya membaca bahan bacaan digital untuk mendapatkan buku tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung dapat merapatkan jurang antara pembaca buku tradisional dengan pembaca buku kontemporari.

Selain itu, syarikat perbukuan juga boleh menjalinkan kerjasama dengan penyanyi atau pemuzik yang

mempunyai kelab peminat. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan termasuklah menganjurkan kelab buku maya bagi membincangkan buku yang memberikan inspirasi kepada penyanyi atau pemuzik tersebut dalam menghasilkan lagu atau lirik yang baik dan bermutu.

Kerjasama antara syarikat industri buku dengan pempengaruh YouTube dan pempengaruh TikTok bukan sahaja dapat menggalakkan budaya membaca, tetapi juga menunjukkan bahawa dunia pembacaan buku dengan dunia pempengaruh boleh digunakan sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan remaja. Berdasarkan kerjasama tersebut, pempengaruh buku akan dapat mempromosikan buku secara grafik, animasi dan video.

Kesimpulannya, penerapan budaya membaca dalam kalangan remaja penting untuk perkembangan intelek dan keperibadian mereka. Penyemaian minat membaca pada usia muda boleh mengembangkan ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran kognitif dan meningkatkan empati remaja. Selain itu, membaca dapat membantu remaja untuk menghadapi tekanan dan merupakan bentuk hiburan yang berharga.

Penerapan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak dan remaja selaras dengan konsep pendidikan manusiawi yang ingin memastikan bahawa setiap individu mencapai akses pendidikan yang berkualiti dan menjadi golongan belia yang seimbang, bermoral tinggi dan berupaya memberikan sumbangan yang positif kepada pembangunan negara. Oleh itu, remaja yang menyemai budaya membaca dalam diri mereka berpotensi menjadi warganegara yang berpengetahuan dan berfikiran kritis dan kreatif kerana bangsa yang membaca akan menjadi bangsa yang berjaya. 📖

Menambah ilmu pengetahuan

Mengisi masa lapang

Meningkatkan pencapaian bahasa

Meningkatkan ekonomi negara

Menambah perbendaharaan kata

KEBAIKAN AMALAN MEMBACA

Mengetahui berita atau isu semasa